

PENGUNAAN KAEDAH *RIWĀYAT BI AL-MA'NA* DALAM PENGGRIWAYATAN HADIS-HADIS MOTIVASI DI MALAYSIA [THE USE OF *RIWĀYAT BI AL-MA'NA* IN NARRATING MOTIVATIONAL HADITHS IN MALAYSIA]

Muhammad Aizat Syimir bin Rozani^{1*}, Mohd Asri bin Ishak², Wan Ramizah binti Hasan³, Muhammad Fadhli bin Musa⁴

¹ Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), aizatsyimir@kuis.edu.my.

² Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), asri@kuis.edu.my.

³ Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), wanramizah@kuis.edu.my.

⁴ Pensyarah, Universiti Teknologi Mara (UiTM), muhammadfadhli@uitm.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 16 Nov 2020

| Selepas Pembetulan: 12 Jan 2021

| Diterima untuk terbit: 30 Jan 2021

Abstrak

Nabi Muhammad SAW merupakan seorang pakar motivasi yang hebat. Penghayatan dan pengamalan terhadap tutur kata dan perbuatannya mendorong setiap individu untuk melakukan kebaikan. Justeru, ramai pemberi motivasi Islam yang menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai qudwah dalam ucapan, pengajian atau modul motivasi yang mereka sampaikan. Bertitik tolak dari itu, kaedah *riwāyat al-Ḥadīth bi al-Ma'na* sudah menjadi norma kebiasaan para penceramah motivasi yang menggunakan hadis Nabi Muhammad SAW demi untuk memudahkan sesi penyampaian mereka. Namun, para ulama menggariskan syarat-syarat yang tertentu bagi tujuan tersebut kerana khawatir akan implikasi negatif sekiranya tidak mematuhi syarat-syarat tersebut. Justeru, kertas kerja ini akan mengupas berkenaan perbincangan para ulama hadis berkaitan *riwāyat bi al-Ma'na* serta menganalisis penggunaan kaedah *riwāyat bi al-Ma'na* dalam pengriwayatan hadis-hadis motivasi di Malaysia. Metodologi yang digunakan adalah secara kualitatif dengan melakukan analisis kandungan secara tematik terhadap kajian para ulama berkaitan *riwāyat bi al-Ma'na* serta menganalisis hadis-hadis berkaitan motivasi dalam ceramah rancangan motivasi di Malaysia. Kajian mendapati, penggunaan kaedah *riwāyat bi al-Ma'na* dalam hadis wujud dan menjadi satu norma kebiasaan bagi para penceramah motivasi. Pada sudut negatifnya, terdapat kesalahan dalam hadis-hadis yang digunakan berpunca daripada ketidak patuhan mereka terhadap syarat-syarat dalam melaksanakan kaedah tersebut. Tambahan pula, para pengkaji turut menghadapi kesukaran untuk melakukan proses *takhrij* dan penentuan darjat hadis-hadis di Malaysia disebabkan terjemahan Bahasa Melayu yang menyukarkan para pengkaji untuk mencari teks asalnya dalam Bahasa Arab. Pengkaji berharap agar lebih banyak kajian dilakukan berkaitan aplikasi kaedah-kaedah dalam hadis terhadap realiti bagi menjamin kesucian dan keaslian kalam Nabi SAW.

Kata kunci

Penggunaan; *Riwāyat Bi al-Ma'na*; Hadis; Motivasi; Malaysia.

Abstract

Prophet Muhammad SAW was a motivational expert. By practicing his words and actions will encourage individual to do good. For such reason, many Islamic motivators take him as a *qudwah* in delivering their speeches, teachings or motivation modules. From that point, the method of narrating *hadith* with meaning has become the norm of Islamic motivational speakers in order to facilitate their delivery sessions. However, the Islamic Scholars did outline certain conditions for that purpose, fearing the negative implications if the speakers do not comply with those conditions. Therefore, this paper will examine the discussion of *hadith* scholars that related to *riwāyat bi al-Ma'na* as well as analyse the use of the method in the narration of motivational *hadiths* in Malaysia. The methodology in this paper is qualitative by conducting thematic content analysis on the study of scholars related to *riwāyat bi al-Ma'na* as well as analysing the *hadiths* taken from motivational talks in Malaysia. This study found that the use of *riwāyat bi al-Ma'na* in *hadith* exists and becomes a common norm for motivational speakers. However, there are some errors in the presented *hadiths* due to their non-compliance with the outline conditions. Furthermore, the researchers faced such difficulties in *takhrij* and determining the degree of *hadith* due to its translation in Malay language that makes it harder to identify the original text in Arabic. They are also hoping that more studies can be done regarding the practical of *hadith* in reality to ensure the Prophet Muhammad SAW's words.

Keywords

Use; *Riwayāt Bi al-Ma'na*; *Hadith*; *Motivational*; Malaysia.

1. Pendahuluan

Hadis Nabi Muhammad SAW merupakan apa-apa yang disandarkan kepada Nabi SAW pada sudut kata-kata, perbuatan, atau pengakuan. (Subhī al-Ṣāliḥ, 2009). Ia diriwayatkan secara turun temurun secara teliti dan berhati-hati dengan merekodkan setiap perawi yang meriwayatkan hadis tersebut. Malah setiap perkataan yang dilafazkan oleh baginda SAW juga direkodkan satu per satu bagi menjamin keaslian dan ketulenan informasi yang dikongsikan khususnya yang berkaitan dengan Nabi Muhammad SAW.

Keseriusan dalam memastikan kesahihan hadis-hadis Nabi SAW jelas terlihat melalui larangan Baginda SAW sendiri terhadap sebarang jenis pemalsuan yang dinisbahkan ke atas dirinya. Hal ini diungkapkan oleh Nabi SAW di dalam hadis riwayat *Abū Hurairah RA*:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ))

Maksudnya: "Barangsiapa yang berdusta di atas namaku, maka siaplah tempatnya di dalam neraka".

[Ṣaḥīḥ Muslim, *Al-Muqaddimah*, Bab *fi al-Taḥdhīr min al-Kaḏhib 'ala Rasūl SAW*, No.3]

Hadis-hadis Nabi Muhammad SAW tidak hanya diriwayatkan secara lafaz (*riwāyat al-Ḥadīth bi al-Lafz*) bahkan ia juga diriwayatkan secara makna (*riwāyat al-Ḥadīth bi al-Ma'na*). Walaubagaimanapun, para ulama berbeza pendapat dalam *riwāyat al-Ḥadīth*

bi al-Ma'na. Ada yang membolehkannya dengan syarat dan ada yang melarangnya sama sekali melainkan hadis tersebut daripada para sahabat (Ali: 1996).

Bahasa Arab bukanlah bahasa asing yang boleh difahami oleh sebahagian besar rakyat Malaysia sepertimana Bahasa Inggeris melainkan mereka yang mempelajarinya sahaja. Hal ini membuatkan kalam Baginda SAW perlu diterjemahkan ke dalam bahasa ibunda. Inisiatif ini dapat meringankan tugas para pendakwah untuk menyampaikan Sunnah Rasulullah SAW sekaligus memudahkan kefahaman para pendengar yang majoritinya tidak memahami bahasa Arab. Namun, tindakan ini juga boleh memberi implikasi yang buruk sekiranya wujud ketidakpatuhan terhadap syarat-syarat yang digariskan oleh para ulama hadis.

Kini, fenomena *riwāyat al-Ḥadīth bi al-Ma'na* telah menjadi satu norma kebiasaan yang diamalkan oleh para penceramah motivasi di Malaysia. Hal ini dapat diperhati berlaku pada hadis-hadis yang panjang atau sekiranya mereka terlupa matan hadis yang sebenar. Namun, kaedah penyampaian seperti ini telah membuka ruang yang menjerumuskan para penceramah untuk menyampaikan kenyataan palsu yang disandarkan kepada Baginda SAW samada secara sengaja atau tidak sengaja. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menjelaskan konsep *riwāyat al-Ḥadīth bi al-Ma'na* antara pandangan yang membenarkan dan yang menolak serta menganalisis penggunaan kaedah *riwāyat al-Ḥadīth bi al-Ma'na* dalam hadis-hadis motivasi di Malaysia.

2. Konsep *Riwāyat Bi Al-Ma'na*

Menurut 'Abd al-'Azīz (2001), *riwāyat al-Ḥadīth bi al-Ma'na* bermaksud perawi hadis meriwayatkan hadis Baginda SAW dengan susunan ayat tersendiri yang bertepatan dengan lafaz hadis yang asal pada sudut makna. Manakala menurut al-Mas'ūdī (2019) pula, ia bermakna perawi hadis mengubah lafaz hadis tersebut tanpa mengubah maknanya.

Walaubagaimanapun, penerangan Khālid (2015) dalam menjelaskan konsep *riwāyat al-Ḥadīth bi al-Ma'na* dilihat lebih sempurna. Beliau berpendapat bahawa meriwayatkan hadis secara makna adalah apabila perawi hadis meriwayatkan hadis dengan sanad yang dibawanya. Namun hadis tersebut diriwayatkan bukan dengan lafaz yang asal akan tetapi ia diriwayatkan dengan lafaz lain yang mempunyai makna yang sama. Kemudian hadis tersebut diriwayatkan oleh orang lain dengan lafaz itu samada perawinya merupakan daripada kalangan para sahabat RA atau mereka yang selepasnya dalam apa jua jenis keadaan seperti dalam proses pemberian fatwa, perdebatan, pendalilan dan lain-lain lagi.

2.1 Bentuk *Riwāyat Bi Al-Ma'na*

Pemerhatian terhadap hadis-hadis yang diriwayatkan secara makna merumuskan bahawa terdapat beberapa bentuk *riwāyat al-Ḥadīth bi al-Ma'na*. Hal ini dijelaskan dengan baik oleh Khalid (2015) seperti berikut:

Rajah 1. Bentuk *Riwāyat al-Ḥadīth bi al-Ma'na*

Bentuk Pertama	Meriwayatkan hadis dengan mengubah lafaz hadis kepada lafaz lain yang mempunyai makna yang sama seperti mengubah perkataan “جالس” kepada “قاعد”.
Bentuk Kedua	Meringkaskan atau menambah matan hadis dengan tidak memberi kesan pada maknanya.
Bentuk Ketiga	Meriwayatkan hadis dengan lafaz yang lebih jelas atau lebih ringan daripada lafaz asal.
Bentuk Keempat	Meriwayatkan hadis dengan mendahulukan sebahagian lafaz hadis atau mengakhirkannya daripada susunan asal.
Bentuk Kelima	Mengubah lafaz hadis kepada lafaz yang lain yang membawa makna yang sama. Misalnya, hadis Nabi SAW yang berbunyi: <p style="text-align: center;">((هَرَيْفُوا عَلَيَّ بِوَلِيهِ سَجَلًا مِنْ مَاءٍ))</p> <p style="text-align: center;"><i>Maksud: “Siramlah bekas kencingnya dengan setimba air”.</i></p> <p style="text-align: center;"><i>[Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Wuḍū’, Bāb Ṣabb al-Mā’ ‘ala al-Bawli fi al-Masjid, No.220]</i></p> <p>Hadis tersebut disampaikan dengan lafaz yang lain seperti: “Nabi SAW mengarahkan agar dituang sebekas air yang penuh ke atas air kencing orang arab badwi tersebut”.</p>

Berdasarkan kepada bentuk-bentuk pengriwayatan hadis di atas, Khālid (2015) berpendapat bahawa kaedah **meringkaskan hadis** tidak termasuk di dalam konsep *riwāyat al-Ḥadīth bi al-Ma’na*. Hal ini kerana, kaedah tersebut tidak termasuk di dalam bentuk-bentuk kaedah pengriwayatan seperti di atas. Pendapat beliau ini diambil daripada *Al-Khātib* dalam *Al-Kifāyah*, *Al-Sam’ānī* dalam *Qawāṭi’ al-Adillah*, *Al-Sakhāwī* dalam *Fath al-Mughīth* dan ramai lagi para ulama yang lain. Walaubagaimanapun, terdapat juga pendapat yang mengatakan kaedah meringkaskan hadis termasuk dalam konsep *riwāyat al-Ḥadīth bi al-Ma’na* seperti pendapat *Al-Qānī* dalam *Qaḍā’ al-Waṭar fī Nuzhat al-Nazar*.

3. Hukum *Riwāyat Bi Al-Ma'na* Menurut Ulama Hadis

Perselisihan para ulama tidak hanya terhenti pada kaedah-kaedah yang dianggap sebahagian daripada Konsep *riwāyat al-Ḥadīth bi al-Ma'na*, malah perbezaan pendapat ini juga berlaku dalam menerima dan mengamalkan kaedah *riwāyat al-Ḥadīth bi al-Ma'na*. Justeru 'Abd al-'Azīz (2001) telah merumuskan pendapat-pendapat terhadap isu ini seperti berikut:

Rajah 2. Pendapat-pendapat Tentang *Riwāyat al-Ḥadīth bi al-Ma'na*

Pendapat-pendapat Tentang <i>Riwāyat al-Ḥadīth bi al- Ma'na</i>	Pendapat yang menerima <i>Riwāyat al-Ḥadīth bi al-Ma'na</i> dengan syarat.
	Pendapat yang tidak menolak <i>Riwāyat al-Ḥadīth bi al-Ma'na</i> .
	Pendapat yang membenarkannya hanya pada hadis-hadis yang menjadi kewajipan untuk diketahui bukan diamalkan.
	Pendapat yang membenarkannya hanya pada hadis-hadis yang tidak ada ruang untuk ditakwil.
	Pendapat yang membenarkannya hanya pada hadis-hadis yang tidak dihafal.
	Pendapat yang membenarkannya hanya bagi para sahabat dan tabien sahaja atas sebab kemampuan bahasa arab mereka.
	Pendapat yang membenarkannya hanya pada hadis-hadis yang panjang.
	Pendapat yang membenarkannya hanya pada tujuan penfatwaan atau penghujahan.

3.1 Pendapat Pertama

Jumhur ulama hadis, ulama usul fiqh, para *fuqahā'* dan Imam Mazhab yang empat menerima kaedah *riwāyat al-Ḥadīth bi al-Ma'na* ini dengan syarat yang tertentu. Pendapat ini berpegang dengan amalan para sahabat yang pernah melakukannya sekaligus menjadi justifikasi yang membolehkan kaedah ini dilakukan ('Abd al-'Azīz, 2001)

Hal ini dinyatakan oleh Qatādah daripada Zararah bin Awfa yang berkata: “*Aku dapati beberapa para sahabat Nabi SAW yang berbeza dengan aku pada sudut lafaz, namun bersama pada sudut makna*”. Malah 'Abdullah bin Mas'ud RA, Abū al-Darda' RA dan

Anas bin Mālik RA selepas meriwayatkan hadis Nabi SAW mereka akan berkata: “ أو

” نحو هذا أو شبهه أو كما قال (Ibn Rajab al-Ḥanbalī, 1978).

Menurut penyokong pendapat pertama ini juga, memandangkan syariat boleh diterangkan dengan menggunakan bahasa selain bahasa Arab, maka pengolahan pada bahasa Arab sendiri dalam meriwayatkan hadis Nabi SAW lebih diutamakan. Hal ini adalah berdasarkan kepada kenyataan Ibn al-Athīr (1969) yang berkata: “*Sekiranya dibenarkan perubahan bahasa Arab dengan a’jam maka keizinan (perubahan) dalam bahasa Arab adalah lebih utama*”.

3.1.1 Syarat Riwayat Al-Ḥadīth bi Al-Ma’na

Menurut ‘Abd al-‘Azīz (2001), pihak yang membenarkan *riwāyat al-Ḥadīth bi al-Ma’na* meletakkan beberapa syarat seperti berikut:

- Perawi perlu mahir dalam mengetahui makna setiap lafaz yang digunakan dalam hadis tersebut serta mahir dalam mengutamakan di antara satu kalimah dengan kalimah yang lain.
- Lafaz yang diubah perlu sama, bersesuaian, tidak lebih atau kurang daripada lafaz hadis yang asal seperti mengubah perkataan “القفود” kepada “الجلوس” atau “العلم” kepada “المعرفة” dan lain-lain lagi.
- Hadis yang ingin diriwayatkan dengan kaedah tersebut bukan hadis yang lafaznya menjadi ibadah seperti *al-Tashahhud* dan azan.
- Hadis yang ingin diriwayatkan dengan kaedah tersebut bukan hadis yang lafaznya dalam bentuk *al-Mutashābih*, *al-Mujmal*, *al-Mushtarak*, *al-Mushkal* atau *Jawāmi’ al-Kalim*.

3.2 Pendapat Kedua

Pendapat kedua ini merupakan pendapat yang menolak *riwāyat al-Ḥadīth bi al-Ma’na*. Hal ini dijelaskan oleh al-Khaṭīb al-Baghdādī (t.t) di dalam *al-Kifāyah* bahawa kebanyakan salaf tidak membenarkan *riwāyat al-Ḥadīth bi al-Ma’na* bahkan perlu meriwayatkan sesebuah hadis dengan lafaz yang asal tanpa sebarang perubahan pada susunan, penambahan atau pengurangan. Pendapat ini juga dikuatkan lagi dengan hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmīdhī RH yang menyeru agar hadis-hadis perlu disampaikan sepertimana yang didengari:

حديث عبد الله بن مسعود رضي الله عنه مرفوعا:

((نَصَرَ اللَّهُ امْرَأً سَمِعَ مِنَّا شَيْئًا فَبَلَّغَهُ كَمَا سَمِعَ فُرْبًا مُبْلَغٌ أَوْ عَى مِنْ سَامِعٍ))

Maksudnya: “*Semoga Allah SWT menyerikan seseorang yang mendengar sesuatu dari kami lalu dia menyampaikannya sepertimana dia mendengarnya, maka boleh jadi orang yang disampaikan kepadanya lebih memahami daripada orang yang mendengar*”.

[*Jāmi' al-Tirmidhī, Kitāb al-'Ilm 'an Rasul SAW, Bāb Mā Jā'a fī al-Ḥaththi 'alā Tablīgh al-Simā', No.2657*]

Antara hujah mereka juga adalah berdasarkan kepada kewajipan ke atas orang Islam untuk menjaga lafaz dan makna dalam azan, iqamat, doa qunut dan lain-lain lagi. Sekiranya penjagaan terhadap lafaz hadis menjadi kewajipan orang Islam maka begitu juga dengan pengriwayatan hadis secara umum perlulah mengekalkan lafaznya yang asal ('Abd al-'Azīz, 2001).

3.3 Pendapat Ketiga

Al-Zarkashī (1988) menyatakan bahawa Ibn al-Sam'ānī dan sebahagian al-Syāfi'iyah berpendapat sekiranya kewajipan terhadap hadis tersebut adalah pada sudut pemahaman sahaja bukan amalan, maka dibenarkan untuk *riwāyat bi al-Ma'na*. Misalnya seperti hadis yang menerangkan tentang rukun *qawli* dalam solat seperti takbir dan memberi salam, perlu dilafazkan seperti mana yang telah diajar oleh Nabi SAW bukan diubah secara makna. Hal ini dijelaskan dalam hadis Nabi SAW yang berbunyi:

((تَحْرِيْمُهَا التَّكْبِيْرُ وَتَحْلِيْلُهَا التَّسْلِيْمُ))

Maksudnya: "Dimulai dengan takbir dan disudahi dengan salam".

[*Jāmi' al-Tirmidhī, Kitāb al-Ṭahārah 'an Rasul SAW, Bāb Mā Jā'a anna Miftāḥ al-Ṣalāh al-Ṭuhūr', No.3*]

3.4 Pendapat Keempat

Al-Zarkashī (1988) juga menyatakan bahawa Abū al-Husayn Ibn al-Qaṭṭān menceritakan daripada sebahagian al-Syāfi'iyah, ada pendapat yang membezakan di antara lafaz yang tidak ada ruang untuk ditakwil dan lafaz yang boleh ditakwil. Yang pertama dibenarkan untuk diriwayatkan hadisnya secara makna manakala yang kedua tidak dibenarkan melainkan diriwayatkannya secara lafaz.

3.5 Pendapat Kelima

Menurut Al-Zarkashī (1988), Al-Mawardī dan al-Rūyānī pula berpendapat bahawa hadis yang dihafal tidak boleh diriwayatkan secara makna manakala hadis yang tidak dihafal dibenarkan seperti olahan *riwāyat bi al-Ma'na* yang dilakukan dalam hadis Nabi SAW:

((لَا تَبِيعُوا الذَّهَبَ بِالذَّهَبِ))

Maksudnya: "Janganlah engkau menjual emas ditukar dengan emas"

[*Sahih al-Bukhārī, Kitāb al-Buyū', Bab Bay' al-Dhahab bi al-Dhahab, No.2175*]

Diriwayatkan hadis ini dengan makna seperti: “أَنَّهُ نَهَى عَنْ بَيْعِ الدَّهَبِ بِالدَّهَبِ”.

3.6 Pendapat Keenam

Sebahagian ulama *muta'akhrin* dalam al-Mālikiyyah pula hanya membenarkan *riwāyat bi al-Ma'na* yang dilakukan oleh para sahabat dan tabien sahaja atas sebab kemampuan bahasa arab mereka. Manakala mereka yang selepasnya tidak dibenarkan melakukan konsep yang sedemikian (Al-Zarkashī, 1988).

3.7 Pendapat Ketujuh

Al-Zarkashī (1988) seterusnya menjelaskan pendapat Al-Qāḍī 'Abd al-Wahhāb yang hanya membenarkan *riwāyat bi al-Ma'na* pada hadis-hadis yang panjang sahaja dan tidak membenarkannya pada hadis-hadis yang pendek.

3.8 Pendapat Kelapan

Sekiranya perawi hadis meriwayatkan hadis atas tujuan penfatwaan atau penghujahan maka dibenarkan pengriwayatannya secara makna. Manakala jika pengriwayatan hadis atas tujuan untuk menyampaikan hadis tersebut pada orang lain maka perlu diriwayatkan secara lafaz ('Abd al-'Azīz, 2001)

4. Analisis Kaedah *Riwayāt Bi Al-Ma'na* Dalam Pengriwayatan Hadis-hadis Motivasi di Malaysia

Ceramah motivasi di Malaysia diadakan dengan pesat melalui media sosial, media elektronik, tradisional dan lain-lain saluran dan cara. Intipati ceramah motivasi yang disampaikan juga dilihat mengintegrasikan antara teori motivasi barat dan Islam dalam modul penyampaian. Hal ini bersesuaian dengan keadaan majoriti rakyat Malaysia yang beragama Islam. Oleh sebab yang sedemikian, wujudnya penggunaan nas Al-Quran dan hadis dalam ceramah yang disampaikan.

Sepertimana metode pengriwayatan hadis yang digariskan oleh para ulama, kaedah yang sama juga diamalkan oleh para ilmuwan yang datang kemudian termasuk para penceramah motivasi di Malaysia. Hal ini termasuk dengan konsep *riwāyat bi al-Ma'na*. Justeru, norma kebiasaan ini perlu dikaji dan dianalisis bagi memastikan konsep pengriwayatan hadis-hadis motivasi di Malaysia diimplementasi dengan baik.

4.1 Penambahan Lafaz Pada Hadis Asal

Rajah 3. Potongan Teks Penceramah X

"Nabi Muhammad SAW balik rumah, Nabi pegang tangan Saidina Hasan, Saidina Husin dan Saidina Ali. Sampai dekat rumah, Nabi ambil Saidina Hasan letak atas peha kanan dan Nabi cium, Nabi ambil Saidina Husin letak atas peha kiri dan Nabi cium. Tangan kanan Nabi peluk Saidina Ali, tangan kiri Nabi peluk Fatimah dan Nabi cium. Nabi kata: ((Ya Allah, saya sangat sayang keluarga saya, Ya Allah sayangilah keluarga saya, Ya Allah sayangilah orang yang sayang keluarga saya))".

Pengkaji telah menjumpai hadis yang dirasakan mirip dengan teks ucapan Penceramah X dalam kitab *Faḍā'il al-Ṣaḥābah*. Ia diriwayatkan oleh *Wāthilah bin al-Asqa' RA*:

"جَاءَ الْحَسَنُ فَأَجْلَسَهُ عَلَى فَخِذِهِ الْيُمْنَى وَقَبَّلَهُ، وَجَاءَ الْحُسَيْنُ فَأَجْلَسَهُ عَلَى فَخِذِهِ الْيُسْرَى وَقَبَّلَهُ، ثُمَّ جَاءَتْ فَاطِمَةُ فَأَجْلَسَهَا بَيْنَ يَدَيْهِ، ثُمَّ دَعَا بِعَلِيِّ... إلخ"

Maksudnya: "Datanglah Hasan maka (Nabi SAW) meletakkannya di atas peha kanan dan menciumnya, dan datang Husayn maka (Nabi SAW) meletakkannya di atas peha kiri dan menciumnya. Kemudian datang Fāṭimah dan (Nabi SAW) memeluknya. Kemudian Baginda SAW memanggil 'Alī'".

Namun menurut Waṣiyyullah 'Abbas (1983), hadis yang diriwayatkan di dalam kitab *Faḍā'il al-Ṣaḥābah* oleh Imām Aḥmad bin Ḥanbal (1983) ini mempunyai sanad yang sangat lemah kerana kewujudan perawi yang dituduh sebagai seorang pendusta (*Al-Muttaḥim bi al-Kadhib*) bernama Ahmad bin Muhammad bin 'Umar al-Yamāmī. Beliau telah dinilai sebagai seorang pendusta oleh Abū Ḥātim dan Ibn Ṣā'id. Al-Dāruquṭnī menilai beliau sebagai *matrūk* manakala Ibn Ḥibban beranggapan bahawa tidak boleh berhujah dengan beliau (*Lā Yuhtaj bihi*).

Walaupun bagaimanapun, pengkaji menjumpai sandaran hadis yang mirip di dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* (1993) seperti berikut:

"فَجَلَسَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الْفِرَاشِ، وَأَجْلَسَ فَاطِمَةَ عَنْ يَمِينِهِ وَعَلِيًّا عَنْ يَسَارِهِ، وَحَسَنًا وَحُسَيْنًا بَيْنَ يَدَيْهِ... إلخ"

Maksudnya: “Rasulullah SAW duduk di atas katil, dan (Baginda SAW) meletakkan Fāṭimah di sebelah kanan dan ‘Alī di sebelah kiri, Ḥasan dan Ḥusayn dalam pelukannya”.

[Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān, Kitāb Ikhbāruh ﷺ ‘an Manāqib al-Ṣaḥābah, Dhikr al-Khabar al-Muṣarriḥ bi anna Hā’ulā’ al-Arba’ allazī Taqaddama Dhikrunā Lahum Ahlu Bayt al-Muṣṭafa ﷺ, No.6976]

Penelitian yang dilakukan ke atas kedua-dua hadis di atas menunjukkan bahawa terdapat kenyataan yang ditambah oleh Penceramah X di dalam teks ucapan beliau. Kenyataan tersebut adalah: **Nabi kata: ((Ya Allah, saya sangat sayang keluarga saya, Ya Allah sayangilah keluarga saya, Ya Allah sayangilah orang yang sayang keluarga saya))**”. Kenyataan ini merupakan tambahan daripada penceramah X yang tidak wujud dalam teks hadis yang sedia ada samada hadis yang sahih atau tidak. Hal ini bertentangan dengan syarat *riwāyat al-Ḥadīth bi al-Ma’na* seperti yang dinyatakan oleh ‘Abd al-‘Azīz (2001). Lafaz yang diubah perlulah sama, bersesuaian, tidak lebih atau kurang daripada lafaz hadis yang asal.

4.2 Mengubah Perbuatan Nabi Menjadi Ucapan

Rajah 4. Potongan Teks Penceramah Y

“Ketika isteri Nabi, Sofiyah nak naik unta, Rasulullah kata: ((Letakkan kedua kakimu di atas lututku))”.

Hadis ini mempunyai sandaran yang kukuh daripada Ṣaḥīḥ al-Bukhārī seperti yang diriwayatkan oleh Anas bin Mālik RA:

”ثُمَّ يَجْلِسُ عِنْدَ بَعِيرِهِ فَيَضَعُ رُكْبَتَهُ ، فَتَضَعُ صَفِيَّةُ رِجْلَهَا عَلَى رُكْبَتِهِ ، حَتَّى تَرْتَكِبَ .”

Maksud: “Kemudian (Nabi SAW) duduk di sebelah tunggangannya dan meletakkan lututnya, maka Ṣafiyah meletakkan kakinya di atas peha nabi sehingga naik ke atas tunggangannya”.

[Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Buyū’, Bāb Hal Yusāfir bi al-Jāriyah Qabla an Yastabri’aha, No.2235]

Hadis ini menggambarkan situasi di mana Nabi Muhammad SAW membantu Ṣafiyah RA untuk menaiki tunggangannya dengan meletakkan lutut Baginda SAW agar Ṣafiyah RA dapat memanjatnya. Namun, Penceramah Y telah meriwayatkan hadis ini dengan mengubah situasi tersebut kepada bentuk ucapan dan arahan. Beliau berkata:

((*Letakkan kedua kakimu di atas lututku*)). Pengkaji merasakan tindakan tersebut adalah kurang sesuai.

Nabi SAW tidak memberikan arahan secara lisan bahkan hanya dalam bentuk perbuatan seperti yang dinyatakan dalam hadis di atas.

Perkara yang sama dilakukan oleh penceramah X dalam kenyataan beliau:

Rajah 5. Potongan Teks Penceramah X

“Setiap kali Nabi keluar rumah, Nabi cium isteri”.

Pengkaji merasakan hadis ini merujuk kepada situasi yang digambarkan di dalam hadis ‘Āisyah RA:

"أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَبَلَ امْرَأَةً مِنْ نِسَائِهِ ثُمَّ خَرَجَ إِلَى الصَّلَاةِ وَمَمْ يَتَوَضَّأُ".

Maksud: “*Sesungguhnya Nabi SAW mencium isterinya kemudian keluar solat tanpa berwudu*”.

[*Sunan Abī Dāwud, Kitāb al-Ṭahārah, Bāb al-Wuḍu’ min al-Qublah, No.179*]

Tiga perbuatan Nabi SAW dinyatakan dalam kenyataan ‘Āisyah RA seperti berikut: 1) Mencium isterinya, 2) Keluar rumah dan 3) Tidak berwudu’. Namun penceramah X telah menambah kenyataan “Setiap kali”. Walaupun kenyataan ini tidak memberikan perubahan yang besar terhadap makna hadis, namun penambahan pada matan ini dikhuatiri menjadi kebiasaan bagi para penceramah. Malah boleh jadi dengan penambahan “Setiap kali” itu boleh memberikan implikasi hukum pada sudut syariah. Justeru, meskipun kaedah *riwāyat al-Ḥadīth bi al-Ma’na* dibenarkan dengan bersyarat namun perlu berhati-hati atas prinsip *Sad al-Dharā’i’*.

Tindakan Penceramah X dan Y di atas jelas berbeza dengan pendapat Al-Mawardī dan al-Rūyānī seperti yang disampaikan oleh ‘Abd al-‘Azīz (2001) yang membenarkan pengolahan dalam meriwayatkan matan hadis daripada hadis Nabi SAW:

((لَا تَبِيعُوا الذَّهَبَ بِالذَّهَبِ))

Maksudnya: “*Janganlah engkau menjual emas ditukar dengan emas*”

[*Sahih al-Bukhārī, Kitāb al-Buyū’, Bab Bay’ al-Dhahab bi al-Dhahab, No.2175*]

Diriwayatkan hadis ini dengan makna seperti: “أَنَّه كَيْ عَنْ يَبِعِ الذَّهَبَ بِالذَّهَبِ”.

4.3 Meringkaskan Matan Hadis Yang Asal

Rajah 6. Potongan Teks Penceramah X

“Bila tengok seseorang peluk anak. Sabda nabi: Ketika ini Allah sayang kamu lebih pada kamu sayang anak kamu.”

Penceramah X dalam memotivasikan pada pendengar berkaitan tema kekeluargaan mengungkapkan kenyataan di atas. Pengkaji mendapati bahawa kenyataan tersebut adalah berdasarkan kepada hadis ‘Umar bin al-Khaṭṭāb seperti berikut:

“قَدِمَ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَبْيٌ، فَإِذَا امْرَأَةٌ مِنَ السَّبْيِ قَدْ تَحَلَّبُ تَدْيَهَا تَسْقِي، إِذَا وَجَدَتْ صَبِيًّا فِي السَّبْيِ أَخَذَتْهُ فَأَلْصَقَتْهُ بِبَطْنِهَا وَأَرْضَعَتْهُ، فَقَالَ لَنَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " أَتَرَوْنَ هَذِهِ طَارِحَةً وَلَدَهَا فِي النَّارِ ". قُلْنَا لَا وَهِيَ تَقْدِرُ عَلَيَّ أَنْ لَا تَطْرَحَهُ. فَقَالَ " اللَّهُ أَرْحَمُ بِعِبَادِهِ مِنْ هَذِهِ بَوْلِدِهَا".

Maksudnya: “Nabi SAW didatangi rombongan tawanan perang. Ada seorang wanita yang sedang mencari-cari bayinya. Tatkala dia berhasil menemukan bayinya di antara tawanan itu, maka dia pun memeluknya erat-erat ke tubuhnya dan menyusukannya. Maka Rasulullah SAW berkata kepada kami: ((Adakah menurut kalian, ibu ini akan sanggup melemparkan anaknya ke dalam api?)). Kami menjawab, “Tidak mungkin sementara dia sanggup untuk mencegah bayinya terlempar ke dalamnya”. Maka Rasulullah SAW berkata: ((Allah SWT lebih sayang kepada hamba-hambanya daripada ibu ini kepada anaknya))”.

[Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Adab, Bāb Raḥmat al-Walad wa Taqbilih wa Mu'ānaqatih, No.5999]

Pemerhatian pengkaji mendapati bahawa Penceramah X telah meringkaskan matan hadis atau cerita asal. Malah Penceramah tersebut juga telah menambah kenyataan: “Bila tengok seseorang peluk anak” di dalam kenyataan beliau. Namun adalah lebih baik dan lebih berhati-hati seandainya beliau menyatakan: “Satu hari, bila Nabi SAW melihat seseorang peluk anaknya...”. Kemudian Penceramah X telah meringkaskan matan hadis di atas dengan tidak menceritakan tentang kisah Ibu dan anaknya itu.

Akhirnya beliau mengakhiri ayat ceramah beliau dengan: “Ketika ini Allah sayang kamu lebih pada kamu sayang anak kamu”. Kenyataan ini telah diolah daripada matan sebenar yang pada asalnya kenyataan nabi itu bersifat umum dan tidak menunjukan kepada pendengar dengan menggunakan perkataan “kamu”.

4.4 Mengolah Matan Hadis Yang Asal

Rajah 7. Potongan Teks Ceramah Y

“Janganlah seorang suami membenci isterinya disebabkan satu perangai yang tak elok, sedangkan pada isteri itu ada banyak lagi perangai yang elok.”

Penceramah Y dalam ceramah beliau cuba memotivasikan para pendengar yang terdiri daripada pasangan suami isteri supaya menghormati antara satu sama lain atas dasar kasih sayang. Justeru, kenyataan di atas diungkapkan dalam ucapan beliau. Menurut penelitian pengkaji, kenyataan penceramah Y yang disandarkan kepada hadis Nabi SAW ini mempunyai asal seperti yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((لَا يَفْرَكُ مُؤْمِنٌ مُؤْمِنَةً إِنْ كَرِهَ مِنْهَا خُلُقًا رَضِيَ مِنْهَا آخَرَ)).

Maksudnya: “Daripada Abū Hurayrah berkata: Berkata Rasulullah SAW: ((Janganlah seorang mukmin membenci seorang perempuan mukmin jika ia membenci sebuah sikap isterinya, maka ia akan reda dengan sikapnya yang lain))”.

[*Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Raḍā’, Bāb al-Waṣīyyah bi al-Nisā’, No. 1469*]

Namun penceramah Y di dalam kenyataan beliau telah mengolah hadis Nabi SAW dengan menyatakan: “**ada banyak lagi perangai yang elok**”. Sedangkan kenyataan asal Baginda SAW berbunyi: **((akan reda dengan sikapnya yang lain))**. Walaubagaimanapun, olahan yang dilakukan oleh penceramah ini dilihat tidak mengubah makna asal yang ingin disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW. Malah hadis yang diriwayatkan secara makna ini diterjemahkan dengan gaya yang mudah difahami oleh masyarakat Malaysia. Hal ini bertepatan dengan prinsip penterjemahan yang patut mengutamakan mesej dalam teks sasaran daripada teks sumber (Khairul Amin & Norzi, 2012).

Kesimpulan

Rumusan kajian ini mendapati bahawa pendapat berkaitan kaedah *riwāyat al-Ḥadīth bi al-Ma'na* terbahagi kepada dua di antara mereka yang menerima dengan bersyarat seperti jumhur ulama hadis, ulama usul fiqh, para *fuqahā'* dan Imam Mazhab yang empat serta mereka yang menolak terus amalan ini. Justeru bagi mereka yang berpendapat harus untuk menggunakan kaedah ini perlu mematuhi syarat-syarat yang telah digariskan oleh para ulama secara rapi demi untuk memastikan kesahihan dan keaslian hadis-hadis Nabi Muhammad SAW. Kaedah ini telah terbukti menjadi kelaziman yang diamalkan oleh para penceramah motivasi di Malaysia dalam mempersembahkan intipati penyampaian motivasi mereka yang mengandungi kalam Nabi SAW. Walaubagaimanapun, analisis pengkaji terhadap hadis-hadis yang telah disebut di atas mendapati bahawa terdapat kesalahan-kesalahan yang timbul daripada ketidakpatuhan para penceramah dalam mengimplementasikan kaedah *riwāyat al-Ḥadīth bi al-Ma'na*. Kesalahan-kesalahan seperti penambahan pada lafaz hadis yang asal dan mengubah perbuatan Nabi SAW ke bentuk ucapan dengan tidak mematuhi syarat asal boleh menjerumuskan para penceramah ke dalam aktiviti memalsukan kata-kata Nabi SAW. Oleh sebab yang sedemikian, para penceramah motivasi perlu lebih berjaga-jaga dalam pengriwayatan hadis-hadis Nabi SAW agar tidak secara sengaja mahupun tidak sengaja menyandarkan sebarang kenyataan ke atas Nabi Muhammad SAW. Para penceramah motivasi di Malaysia juga disarankan agar membekalkan maklumat ringkas berkaitan hadis yang diriwayatkan seperti menyebut nama kitab dan bab serta memberikan sepotong hadis tersebut dalam bahasa arab agar mudah untuk para pengkaji melakukan pencarian secara maya sejajar dengan kemajuan dan kemudahan teknologi yang disediakan.

Penghargaan

Penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2019. No. Geran: 2019/P/GPIK/GPI-006, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk "Hadis-hadis Palsu dalam Ceramah Program Motivasi di Malaysia".

Rujukan

- 'Abd al-'Azīz. (2001). Ḥukm Riwāyat al-Ḥadīth al-Nabawī bi al-Ma'nā. *Majallah Markaz Buḥūth al-Sunnah wa al-Sīrah, Bil. 10 2001*.
- Abū Dāwud. (t.th). *Sunan Abī Dāwud*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- Aḥmad bin Ḥanbal. (1983). *Faḍā'il al-Ṣaḥābah*. Disemak oleh: Waṣiyyullah bin Muḥammad 'Abbās. Arab Saudi: Mekah, Jāmi'ah Ummu al-Qurā.
- Al-Bukhārī, Abū Abdillāh Muḥammad. (2002). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Damsyik, Dār Ibn al-Kathīr.
- Ali, M. S. (1996). Periwāyatan Hadis dengan Lafaz dan Makna. *Al Qalam*, 11(59), 20-30.

- Al-Khaṭīb al-Baghdādī. (t.t). *Al-Kifāyah fī 'Ilm al-Riwāyah*. India: Hyderabad, Dā'irat al-Ma'ārif al-'Uthmāniyyah.
- Al-Mas'ūdī. (2019). *Minḥat al-Mughīth fī 'Ilm Muṣṭalaḥ al-Hadīth*.
- Al-Tirmīdhī. (1996). *Al-Jāmi' al-Kabīr*. Lubnan: Beirut, Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Al-Zarkashī. (1988). *Al-Baḥr al-Muḥīṭ fī Uṣūl al-Fiqh*. Hurghada: Dār al-Ṣafwah li al-Ṭabā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Ibn al-Athīr. (1969). *Jāmi' al-Uṣūl fī Aḥādīth al-Rasūl*. Maktabah al-Ḥilwānī.
- Ibn Ḥibbān. (1993). *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah
- Ibn Rajab al-Ḥanbalī. (1978). *Sharḥ 'Ilal al-Tirmidhī*. Dār al-Milāḥ li al-Ṭabā'ah wa al-Nashr.
- Khairul Amin & Norzi. (2012). Konsep dan Syarat Terjemahan Hadith. *Jurnal Hadis*, Bilangan 3 2012, 55-70.
- Khālid, al-Ruwayti'. (2015). *Riwāyat al-Hadīth wa al-Athar bi al-Ma'na: Dirāsah Naẓariyyah Taṭbiqiyah*. Majallat al-Jam'iyah al-Fiqhiyyah al-Sa'ūdiyyah, 254 (2354), 1-157.
- Muslim, Abū al-Ḥusayn. (2006). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Lubnan: Riyāḍ, Dār Ṭaybah.
- Ṣubḥī al-Ṣāliḥ. (2009). *'Ulūm al-Hadīth wa Muṣṭalaḥuh - 'Arḍ wa Dirāsah*. Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn.